

KANDUNGAN

- 1 >> Dari Meja Ketua Editor & Sidang Redaksi
- 2 >> Pertandingan Menembak Bersama Media Anjuran Tentera Darat
- 3 >> "Pekerja Berinovatif Penggerak Inovasi"
- 4 >> Kompleks Mutiara Kebanggaan PERNAMA
- 5 >> Minggu ICT Kementerian Pertahanan

- 6 >> Anugerah Sukan ATM 2011
- 7 >> Cemerlang dan Berinovasi, dihargai
- 8 >> Pelancaran Kompeni Askar Wataniah Wilayah Felda Negeri Perak
- 9 >> Amalan Gaya Hidup Sihat
- 10 >> Majlis Penutup Perkhemahan PKBM Peringkat Kebangsaan 2012

- 11 >> Lawatan KSU ke Kem PLKN Sungai Rait, Miri Sarawak
- 12 >> Koperasi Tentera Antara Koperasi Terbaik Di Malaysia
- 13 >> A.K.A 22 - Iktiraf Kecemerlangan Anak Tentera
- 14 >> Majlis Penyampaian Sijil Perhebat
- 15 >> Senyuman & Kehidupan Anda
- 18 >> Kenali Mindef lebih dekat melalui Karnival 1 Mindef
- 19 >> Majlis Penyampaian Pingat Jasa & Penyerahan Cek Rayuan Hari Pahlawan Malaysia 2011

- 20 >> Badan Kesenian MINDEF Ungguli Borneo Hornbill Festival 2012
- 21 >> Lee Chong Wei Kini Leftenan Komander (Kehormat)
- 22 >> "Tentera Perangi Rokok" - Minggu Kesihatan Atm 2012
- 23 >> Perluasan Askar Wataniah dibawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan
- 24 >> "Pahlawan Perkasa Rakyat Sejahtera"
- 25 >> Majlis Pelancaran dan Diskusi Buku
- 26 >> Sepetang Ramadhan Bersama Zahid Hamidi
- 27 >> Lawatan Penanda Aras 5S oleh Stride

- 28 >> Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM
- 29 >> Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada ATM
- 30 >> 1 Malaysia "Priviledge Card" Hargai ATM & PDRM
- 31 >> Usahawan Veteran Harapan
- 32 >> Hargailah Kemerdekaan





DARI MEJA KETUA EDITOR

Salam Ceria dan Salam 1Malaysia,

Alhamdulillah, PATRIOT terus menemui pembaca bagi edisi 2/2012 dimana kali ini dengan tema "Senyum". Tahun ini Kementerian Pertahanan melalui Unit Komunikasi Korporat telah secara rasminya melancarkan Kempen Senyum dan dengan tagline Senyum, Mesra dan Bantu. Kementerian Pertahanan merupakan salah satu Kementerian yang menyematkan Kempen Senyum kepada semua warganya tidak kiralah kakitangan awam mahupun tentera dan objektifnya bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti. Maka tidak harianlah setiap hari dalam kehidupan perlu ada senyuman bagi terapi kepada kesihatan dalaman badan yang lebih baik dan tenteram. Kementerian menyokong penuh Kempen ini kerana bagi saya kehidupan ini penuh warna warni dan diserikan dengan senyuman sebagai pelengkap kepada teras kehidupan yang sempurna!

Sepanjang pertengahan tahun ini, Kementerian Pertahanan seperti lain-lain Kementerian, sibuk dan sana-sini menghiasi kalendar Kementerian. Antaranya Anugerah Khidmat Cemerlang dan tersimpanlah kenangan bagi mereka yang diiktiraf semoga sentiasa mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang. Selain itu, paling mencuri tumpuan saya dengan pelaksanaan Minggu ICT. Banyak aktiviti dilaksanakan dan semoga aktiviti sebegini bukan hanya membuktikan akan peranan ICT dalam kehidupan sekarang bahkan membuahakan keceriaan dengan penglibatan semua warga MinDef.

Akhir kata, semoga penerbitan PATRIOT pada kali ini akan lebih diingati dan penghasilannya akan menjadi sejarah yang akan dikenang suatu hari kelak. Ceria-cerikan diri dan ingat *senyum* membawa berkat! Jadi senyumlah selalu.....

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Y.Bhg Dato' Dr.Haji Ismail bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia

PENASIHAT I

Y.Bhg Dato' Jalil bin Marzuki
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusar)
Kementerian Pertahanan Malaysia

PENASIHAT II

Razman Hakimi bin Abdullah
Ketua Komunikasi Korporat

KETUA EDITOR

Masnoor bin Ashaari

EDITOR

Nazrie bin Saini

WARTAWAN

Mej Suria binti Sulaiman
Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM
Mej Mohd Nizam bin Mohd Zafri TUDM
Fazliatul binti Mohamed Isa
Lt Mohd Afiq bin Abdullah

PENULIS TAMU

Mohd Yusrizal bin Ab.Razak (JHEV)
Lt Mohd Hafiz bin Sabilan (MinDef Sabah)
Sjn Tony ak Enggun (MinDef Sarawak)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Sel Perhubungan Raya, Markas Medan

FOTO

Sel Liputan &
Sel Rujukan dan Penerbitan, UKK

TERBITAN DAN EDARAN

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia

Sidang Redaksi Buletin PATRIOT mengalu-alukan sumbangan artikel mengenai aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi dibawahnya. Artikel hendaklah dihantar kepada:

Editor

Buletin PATRIOT, Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia
Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur
Tel: 03-2071 4008
Emel: nazrie@mod.gov.my



PERTANDINGAN MENEMBAK BERSAMA MEDIA ANJURAN TENTERA DARAT

Artikel : Pbt Salina binti Johari

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Markas Tentera Darat telah menganjurkan program Sehari Bersama Media dan Pertandingan Menembak bersempena dengan Hari Ulang Tahun Tentera Darat Ke-79. Acara yang dilaksanakan di Lapangan A, Kem Sungai Besi Kuala Lumpur ini disertai oleh YB Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Zahid Hamidi, Pegawai-pegawai kanan Tentera Darat serta 225 orang wakil Editor Kanan dan media daripada 31 agensi media tempatan.

Program ini dilaksanakan untuk meraikan pengamal-pengamal media diatas sumbangan mereka kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), khususnya Tentera Darat. Selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain, program ini juga memberikan gambaran kepada media tempatan akan pelaksanaan latihan menembak.

Program pada hari tersebut dimulakan dengan pendaftaran media dan dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang dianggotai seramai 5 orang. Pertandingan dimulakan seawal jam 8.00 pagi sehingga tamat pertandingan. Ketika pertandingan menembak berlangsung, juga diadakan pertandingan selingan seperti solekan tempur, memakai kasut spike, mengisi 20 butir peluru 5.56 mm dalam kelopak, mengisi FSMO dan memasang aksesori pakaian no 3. Selain itu, pertandingan fotografi juga diadakan dengan bertemakan 'TDM MEDIA BERPISAH TIADA' yang diadili oleh YB Menteri Pertahanan sendiri. Bagi tujuan santai diadakan juga pertandingan karaoke.

Dalam ucapan YB Menteri Pertahanan, beliau berharap agar acara yang melibatkan media seperti ini dapat diadakan setiap tahun yang dianjurkan oleh setiap perkhidmatan yang berkhidmat dalam Kementerian Pertahanan untuk merapatkan lagi hubungan dengan pengamal-pengamal media tempatan. Acara kemuncak adalah penyampaian hadiah kepada pemenang dan turut diadakan cabutan bertuah kepada media.



'PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK INOVASI'

Artikel : Pbt Yussuhaimi bin Yusuf
Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

'PEKERJA BERINOVATIF PENGGERAK INOVASI' menjadi tema berlangungnya Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi kakitangan Awam dan Angkatan Tentera Malaysia Kementerian Pertahanan bagi tahun 2012 yang diadakan di Dewan Auditorium, Wisma Pertahanan. Majlis yang telah menjadi acara tradisi tahunan ini diadakan sebagai memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua penjawat awam Kementerian di atas komitmen serta sumbangan dan pengorbanan yang telah diberikan dengan penuh dedikasi sepanjang tahun 2011 yang lalu di samping mengekalkan kualiti kecemerlangan dalam pelaksanaan tugas.

Kementerian Pertahanan setiap tahun menganjurkan majlis dimana untuk tahun ini telah diadakan sebanyak tiga peringkat iaitu, Peringkat pertama telah diadakan pada 15 Mei 2012 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Sesi kedua diadakan pada sebelah petang telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr Abd Latiff bin Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan. Peringkat ketiga pula diadakan pada 16 Mei 2012 dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Disamping penyampaian anugerah pada tahun ini, ceramah juga turut diadakan bersempena dengan Hari Pekerja. Paling mencuri tumpuan adalah pameran yang diadakan di Foyer Wisma Pertahanan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta bersempena dengan (APC).



KOMPLEKS MUTIARA KEBANGGAAN PERNAMA

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah merasmikan Kompleks Mutiara PERNAMA Kem Syed Sirajuddin pada 21 Mei yang lalu. Majlis turut dihadiri oleh Jen (B) Tan Sri Dr Mohamed Hashim bin Mohd Ali yang merupakan Pengerusi Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA). Pembinaan Kompleks tersebut diharap menjadi pemangkin skop kepada meluaskan lagi perkhidmatan kedai runcit diantaranya perkhidmatan kedai gunting, kedai jahit, kedai basikal, kedai telefon bmbit dan kedai emas. Kompleks ini juga dibekalkan dengan sebuah Bank iaitu Affin Bank Berhad bagi tujuan urusan perbankan tentera. Pembukaan kompleks yang bernilai RM10 juta yang dibina di atas tapak seluas 0.65 hektar di kem tersebut bakal memberi keselesaan kepada warga kem mendapatkan barangan keperluan pada harga yang murah. Perbadanan Perwira Niaga Malaysia ditubuhkan untuk memberi khidmat sebaik mungkin kepada warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM), bekas anggota ATM dan anggota sukarelawan ATM dengan penyediaan rangkaian kedai runcit di seluruh negara pada kadar harga yang berpatutan lagi terkawal berlandaskan pengurusan yang cemerlang dan berwibawa dan sentiasa prihatin akan kehendak persekitaran.

MINGGU ICT KEMENTERIAN PERTAHANAN

Artikel : Nazrie bin Saini
Foto : Sjn Riau ak Ansang

Pada 21 hingga 23 Mei 2012 yang lalu, Kementerian Pertahanan melalui Bahagian Pengurusan Maklumat telah menganjurkan Minggu ICT Kementerian Pertahanan. Atas kesedaran akan kepentingan ICT kepada warga Kementerian, pelbagai aktiviti diadakan dan menjadi pengisian sepanjang program ini berlangsung. Mengangkat tema "Keselamatan ICT tanggungjawab bersama", program ini dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan di Auditorium Kementah. Minggu ICT diserikan dengan seminar-seminar antaranya seminar Polisi Keselamatan Siber Kebangsaan yang disampaikan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara dan beberapa seminar lain. Bagi memberikan maklumat terus kepada warga MinDef minggu ICT, Pameran dan Klinik ICT disediakan. Beberapa syarikat berstatus ICT menjadi organisasi yang dijemput bagi memeriahkan lagi pameran dan klinik ICT tersebut. Antara yang mencuri tumpuan diadakan kuiz ICT dan beberapa pertandingan lain antaranya pertandingan pemasangan PC dan membina blog yang dibuka kepada warga MinDef yang hadir. Berikut senarai nama pemenang bagi pertandingan yang diadakan sepanjang penganjuran Minggu ICT ini.

PERTANDINGAN PEMASANGAN PC

- Pertama : Sharizad bin Suhaimi
(Bahagian Pentadbiran)
Kedua : Khairul Nor Azman bin Noorasis
(Bhg Pengurusan Strategik, MTL)
Ketiga : Jasni bin Abdullah
(Bhg Elektronik, PUSPEKA)

PERTANDINGAN MEMBINA BLOG

- Pertama : Roziana bte Azman
(Bhg Akaun)
Kedua : Mohd Sobrie bin Md. Noor
(Bhg Akaun)
Ketiga : Rizatul Syila bte Abd Rahman
(Bhg Perolehan)

PERTANDINGAN BOOTH TERBAIK

- Pertama : Klinik ICT
(Bahagian Pengurusan Maklumat)
Kedua : Jabatan Latihan Khidmat Negara
(JLKN)
Ketiga : Markas Tentera Udara Diraja Malaysia
(TUDM)



ANUGERAH SUKAN ATM 2011

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Malam Anugerah Sukan Angkatan Tentera Malaysia bagi tahun 2011 anjuran Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT) telah diadakan pada 23 Mei 2012 bertempat di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Y.B Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi hadir dan menyampaikan anugerah pada malam tersebut. Olahragawan ATM telah dianugerahkan kepada PWII Buda ak Anchah yang merupakan atlet bina badan. Anak jati daerah Sri Aman, Sarawak itu mengguguli sukan bina badan sejak tahun 1997 dan pencapaian peringkat antarabangsa dan kebangsaan yang diraih menjadi asas kepada pemilihan sebagai olahragawan ATM. Manakala Lt Nur Suryani bin Mohd Taibi TLDM pula dianugerahkan olahragawati ATM dalam sukan menembak. Atlet kelahiran Perak telah mengharumkan ATM dimana beliau merupakan atlet menembak wanita pertama yang layak ke Sukan Olimpik yang diadakan di Kota London dalam kategori Raifal.

Selain anugerah Olahragawan dan Olahragawati, ATM juga menghargai Jurulatih dengan menganugerahkan PWI Norhisham bin Ibrahim selaku jurulatih sukan ragbi sebagai Anugerah Tokoh Jurulatih 2011. Manakala Anugerah Tokoh Sukan 2011 dianugerahkan kepada Lt Kol Gerard Denis Singam TUDM (bersara) yang datang dari sukan kriket. Anugerah khas pula dianugerahkan kepada Laksda Dato' Musa bin Omar dari sukan menembak. Pada malam itu juga, sebanyak 19 persatuan yang mewakili pelbagai sukan menerima skim intensif kewangan masing-masing. Majlis itu juga telah mengiktiraf Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai pemenang kejohanan sukan antara perkhidmatan 2011 dan mengekalkan kejuaraan untuk tahun kelima berturut-turut.





CEMERLANG DAN BERINOVASI DIHARGAI

Artikel : Lt Mohd Hafiz bin Sabilan (MinDef Sabah)

Foto : Pbt Zaid Zaidy bin Zulkifli

Kementerian Pertahanan Malaysia cawangan Sabah komited dalam menjayakan konvensyen akhir Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) peringkat MinDef Sabah, selaras dengan kehendak kerajaan bagi membentuk kualiti unggul individu dan organisasi. Pertandingan Akhir KIK peringkat MinDef Sabah telah berlangsung pada 08 Jun 2012 yang lalu, pertandingan tersebut telah menonjolkan hasil idea yang telah diketengahkan oleh kumpulan-kumpulan yang terlibat. Mereka mempersembahkan hasil kreativiti mereka kepada juri-juri yang telah menilai dari pelbagai sudut pemarkahan. Selepas sahaja pertandingan akhir KIK ini; majlis diteruskan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2011 & Jasamu Dikenang 2012, Acara tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr Abd Latiff bin Ahmad Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, beliau telah disambut oleh Encik Terry Henry, Pengarah MinDef. YB Timbalan Menteri Pertahanan telah menyampaikan sijil 49 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Majlis turut meraikan 8 orang staf yang telah dan akan bersara wajib. Acara ini diteruskan lagi dengan penyampaian hadiah bagi pemenang pertandingan akhir KIK yang dimenangi oleh kumpulan daripada MAWILA 2 Pangkalan TLDM Kota Kinabalu, Teluk Sepanggar dengan hasil ciptaan mereka, sebaik sahaja selesai acara penerima hadiah, acara pada malam tersebut diakhiri dengan persembahan kebudayaan dan nyanyian oleh kakitangan MinDef Sabah.





PELANCARAN KOMPENI ASKAR WATANIAH WILAYAH FELDA NEGERI PERAK

Artikel : Mej Suria binti Sulaiman
Foto : Kpl Shahrul hezar bin Azizan

Seramai 130 orang warga Felda Besout 1, Sungkai Perak telah menyertai Kompeni Askar Wataniah Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) Wilayah Felda Negeri Perak. Pelancaran Kompeni Askar Wataniah Wilayah Felda Negeri Perak ini telah dirasmikan oleh Menteri Pertahanan YB Dato' Seri Zahid Hamidi pada 9 Jun 2012 yang lalu bertempat di Padang Utama Felda Gunung Besout 1.

Sejarah Felda Besout ini bermula dari sebuah kawasan hutan belukar yang luas. Ia kemudian menjadi sebuah penempatan yang kecil dan berkembang pesat dengan infrastruktur yang lengkap. FELDA Gunung Besout dirancang oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) apabila Akta Pembangunan Tanah dikuatkuasakan. Kini terdapat 17 buah FELDA di Perak yang telah dibuat pembahagian di bawah wilayah masing-masing. Nama Gunung Bersout berasal dari kawasan gunung. Dahulunya, kedudukan gunung-ganang yang menghadap antara satu sama lain menyebabkan bunyi bersahut-sahutan setiap malam. Oleh kerana bunyi bergema berkenaan sering kedengaran, maka nama tanah rancangan itu dikenali sebagai Gunung Besaout sempena perkataan 'bersahut'.

Turut diadakan ketika Pelancaran Kompeni Askar Wataniah Wilayah Felda Negeri Perak ini ialah Mini Karnival 1MinDef yang melibatkan gerai-gerai pameran dari agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan dan Pameran Kerjaya dari Tentera Darat, TLDM dan TUDM. Mini Karnival 1 MinDef ini telah diadakan selama 2 hari dari 8 dan 9 Jun 2012.

Hadir sama pada majlis ini ialah Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin, Panglima 4 Divisyen, Mej Jen Datuk Suhaimi bin Mohd Zulkifli, Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Tan Sri Rozali Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Slim, Datuk Mohd Khusairi bin Abdul Talib.



AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

Artikel : Nazrie bin Saini
Foto : Sjn Riau ak Ansang

Gaya Hidup Sihat bolehlah ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarganya dan masyarakat. Antara contoh kehidupan yang sihat ialah individu tersebut hidup dengan penuh ceria tanpa mengalami sebarang masalah yang boleh menjejaskan kehidupannya untuk satu tempoh tertentu pula. Sudah pasti dalam kehidupan era moden yang begitu banyak tekanan ini gaya hidup sihat menjadi satu matlamat yang perlu dicapai segera. Oleh itu, terdapat pelbagai tindakan yang boleh dilakukan untuk mencapai matlamat ini.

Maka atas kesedaran inilah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan kerjasama Unit Komunikasi Korporat mengadakan Program Gaya Hidup Sihat bersempena dengan Mesyuarat Ketua –Ketua Bahagian di Pusat Latihan Kementerian Pertahanan (PLATIH) di Bukit Fraser. Program tersebut dihadiri oleh Y.bhg Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad dan semua Pegawai pengurusan tertinggi Mindef. Aktiviti dimulakan dengan senamrobik dan seterusnya aktiviti “Jungle Tracking” yang menguji kecerdasan semua peserta. Untuk makluman juga, Pusat Latihan Kementerian Pertahanan (PLATIH) dahulunya adalah Kem Askar Tentera Udara Tentera Malaysia yang berperanan sepenuhnya sebagai tempat latihan pegawai-pegawai dan anggota TUDM. Sekarang selari dengan perubahan zaman tempat tersebut dijadikan pusat latihan bagi kakitangan Kementerian Pertahanan. Pastinya menggamit kenangan kepada pegawai dan kakitangan yang hadir kerana Pusat Lathan tersebut wujud sejak tahun 80-an lagi.

Aktiviti lain yang diadakan adalah ceramah kesihatan dimana diadakan kaunter kesihatan dari Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, ATM bagi tujuan pemeriksaan kesihatan percuma. Semoga dengan adanya program sebegini akan memberikan kesedaran akan gaya hidup sihat adalah perlu dan diharap menjadi aktiviti tahunan yang berterusan.



MAJLIS PENUTUP PERKHEMAHAN KADET BERSATU MALAYSIA (PKBM) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012

Artikel / Foto : Szi PR Markas Medan

Pada 18 Jun 2012 Majlis Penutup Perkhemahan Kadet Bersatu Malaysia (PKBM) diadakan di Padang Kawad 19 RAMD (MEKANIZE), Kem Lapangan Terbang Sg. Petani, Kedah. Upacara penutup di sempurnakan oleh Lt Jen Datuk Zulkiple bin Hj. Kassim, Panglima Medan TD. Turut hadir Ketua Sektor Unit Pembangunan dan Kemanusiaan Tuan Hj Muhammad bin Abdul Hamid, Mej Jen Dato' Azizan bin Md Delin, Panglima 2 Divisyen dan Panglima-Panglima Briged serta pegawai-pegawai Kanan TD dan Pegawai-pegawai Pelajaran.

Perkhemahan Tahunan PKBM-Darat Peringkat Kebangsaan Ke-15 Tahun 2012 diadakan di sekitar Kem Lapangan Terbang Sg. Petani, Kedah mulai 12 hingga 18 Jun 12. Briged Ke-6 Infantri Malaysia (6 Bgd) bersama Jabatan Pelajaran Negeri Kedah telah dilantik sebagai penganjur bersama perkhemahan tahunan yang melibatkan 1,315 peserta terdiri dari ahli-ahli PKBM, guru-guru dan jurulatih PKBM dari seluruh Malaysia.

Acara-acara yang dipertandingkan diperingkat Kebangsaan ini termasuklah Pertandingan Kawad, Pertandingan Panduarah, Pertandingan Menembak, Pertandingan Merentas Halangan, Acara-acara Sukan dan Malam Akrab. Dalam ucapan penutup oleh Panglima Medan TD telah menyatakan bahawa kita perlu sedar bahawa para kadet merupakan pemimpin Negara masa hadapan sebagai generasi pelapis. Mereka amat memerlukan dorongan dan bimbingan dalam melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk memimpin. Tambahnya lagi percaya sistem persekolahan semasa berupaya melahirkan generasi muda yang berkemahiran tinggi, berketrampilan dan komited dalam membangunkan bangsa dan negara.

Diakhir perbarisan diadakan upacara penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang setiap acara yang dipertandingkan. Kontinjen dari negeri Terengganu telah muncul sebagai Johan keseluruhan Perkhemahan PKBM Peringkat Kebangsaan Tahun 2012.





LAWATAN KSU KE KEM PLKN SG RAIT, MIRI, SARAWAK

Artikel : Ssjn Tony ak Enggun (MinDef Sarawak)

Foto : Abdullah bin Aha (MinDef Sarawak)

Pada 20 Jun yang lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad bersama rombongan telah melawat Kem PLKN Sg. Rait, Bakam, Miri Sarawak baru-baru ini. Ketibaan Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad disambut dengan Tarian Tradisional masyarakat Sarawak yang ditarikan oleh pelatih-pelatih Latihan Khidmat Negara Kem Sg. Rait. Lawatan ini turut di hadiri Panglima 3 Briged Infantri Malaysia, Brigadier Jeneral Datuk Stephen Mundaw serta pegawai kanan Tentera dan awam Kementerian Pertahanan Malaysia.

Pelbagai aktiviti dan tarian turut dipersembahkan oleh pelatih-pelatih PLKN Kem Sg. Rait. Semasa ucapan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad berpesan kepada agar pelatih-pelatih PLKN Kem Sg. Rait sentiasa menyemaikan semangat keyakinan diri, ketahanan fizikal, semangat patriotik dan semangat berk komuniti serta semangat harmoni tidak kira di mana berada agar keharmonian dan kesejahteraan Malaysia sentiasa terjamin sebilang masa.

KOPERASI TENTERA ANTARA KOPERASI TERBAIK DI MALAYSIA – CAPAI PRESTASI MEMBERANGSANGKAN

Artikel : Lt Kdr Rahimah bte Taib TLDM

Foto : Kpl Shahrul Hezar bin Azizan

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan pengagihan dividen sebanyak 14 peratus atau RM110 juta bagi tahun kewangan 2011 kepada ahli-ahlinya. Pengagihan itu berikutan pencapaian prestasi Koperasi Tentera Malaysia Bhd yang memberangsangkan apabila mencatat keuntungan sebanyak RM212 juta pada tahun lalu berbanding RM159 juta (2010).

"Kejayaan itu sekali gus memperlihatkan koperasi telah berjaya mengumpulkan aset bernilai lebih RM2 bilion pada tahun lalu dengan jumlah ahli kira-kira 144,000 orang di samping meletakkan koperasi tentera sebagai yang berjaya" ulas Menteri Pertahanan selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Tentera Ke-47 pada 24 Jun 2012 di Kem Sungai Buloh

Koperasi Tentera Malaysia Bhd menjangkakan pada 2015 aset akan meningkat kepada RM3 bilion dan menjelang 2020 mencapai sebanyak RM10 bilion. Ini akan menjadikan koperasi tentera sebagai yang paling berjaya selain Bank Rakyat (Bank Kerjasama Rakyat) menjadikan Koperasi Tentera merupakan salah satu koperasi yang terbaik di Malaysia dengan bilangan ahli kira-kira 144,000 orang.

Selaku Penaung Koperasi Tentera, Menteri Pertahanan turut menyokong usaha Koperasi Tentera menceburi industri Ar-Rahnu dengan cadangan membuka tiga buah cawangan di Kota Bharu, Kelantan, Kluang, Johor dan Sungai Besi pada penghujung tahun ini merupakan langkah yang tepat bagi menambah aset koperasi. Beliau turut menyarankan kepada pihak pengurusan supaya memperluaskan skop perkhidmatan dan aktiviti kerana langkah itu boleh membawa keuntungan kepada pendapatan ahli dan koperasi. Pada majlis yang sama, Menteri Pertahanan turut menyampaikan sumbangan berikut:

- Penyampaian Sumbangan Bakti Bantuan Perubatan 2011.
- Penyampaian Cek Bayaran Pampasan Skim Takaful Berkelompok ATM.
- Penyampaian Cek Bayaran Pampasan Skim Takaful Perwira II.
- Penyampaian anugerah Skim Insentif Kecemerlangan kepada anak-anak anggota.
- Penyampaian anugerah Anggota Setia Koperasi.

Pada majlis itu, turut berlangsung pemilihan tiga Ahli Lembaga Koperasi Tentera Malaysia yang baru bagi sesi 2012/2013. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin; Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar; Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Rodzali Daud dan Pengerusi Koperasi Tentera, Brigedier Jeneral Datuk Mohd. Nizam Jaffar.



A.K.A ke 22 – IKTIRAF KECEMERLANGAN ANAK TENTERA

Artikel : Mej Suria binti Sulaiman

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Anugerah Kecemerlangan Akademik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dimulakan pada tahun 1991 dan penyampaian anugerah bagi tahun 2012 ini adalah merupakan upacara yang diadakan untuk kali yang kedua puluh dua.

Tujuan mewujudkan Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM adalah untuk memberi pengiktirafan kepada anak-anak anggota ATM yang mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang akademik di peringkat PMR dan SPM supaya ianya menjadi satu galakan atau insentif kepada semua anak-anak anggota ATM. Dengan pemberian insentif ini mereka akan lebih berazam dan berusaha untuk mencapai kejayaan cemerlang. Hasrat ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan “the caring and closelynit society”.

Penyertaan terbuka kepada semua anak anggota ATM termasuk anggota kerahan yang sedang berkhidmat dan Anggota ATM yang sedang menjalani kursus peralihan pada hari pertama peperiksaan dikira sebagai anggota dalam perkhidmatan. Anak-anak mestilah dari sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan. Berdasarkan kepada keputusan peperiksaan PMR dan SPM tahun 2011. Pemilihan diambil kira dari faktor latar belakang sosio ekonomi calon dan taraf pencapaian akademiknya. Penyertaan dibahagikan kepada dua kategori iaitu anak pegawai dan anak anggota lain-lain pangkat (LLP).

Syarat kelayakan calon PMR kelayakan minimum bagi anak pegawai adalah 7A manakala bagi anak anggota LLP ialah 6A. Sementara syarat kelayakan calon SPM pula, kelayakan minimum bagi anak pegawai, 6A (A+, A atau A-) manakala bagi anak anggota LLP, 5A (A+, A atau A-). Setiap calon yang berjaya akan diberikan Sijil Penghargaan dan cek mengikut kadar berikut:

- a. PMR – RM 750.00
- b. SPM – RM 1,500.00

Yang Berhormat Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah menyempurnakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke-22 tahun 2012. Seramai 389 orang murid, 255 orang murid memperolehi 6A ke atas dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) manakala 134 orang murid dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) memperolehi keputusan 5A ke atas.

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PERHEBAT

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Majlis Penyampaian Sijil PERHEBAT Siri 1/2012 telah diadakan pada 28 Jun 2012 di Dewan Besar PERHEBAT. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Seramai 681 orang pelatih telah berjaya menamatkan kursus 6, 12 dan 18 bulan. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah PERHEBAT, Pegawai-Pegawai Kanan Tentera dan Awam Kementerian Pertahanan serta wakil-wakil dari industri. Selari dengan objektif dan fungsi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dilihat sebagai organisasi diiktiraf untuk menguruskan pelbagai bentuk latihan kepada pesara dan bakal pesara tentera berdasarkan keperluan latihan berbentuk teknikal & Vokasional, pengurusan serta perkhidmatan. Antara kursus yang dilaksanakan sekarang adalah seperti dibawah:

Teknikal & Vokasional

1. **Pusat Kejuruteraan Automotif**
Mekanik Motosikal
Mekanik Kenderaan Motor
Mengetuk & Mengecat Kenderaan
Perapian & Pengalasan Kenderaan
Jahitan Pakaian Wanita
2. **Pusat Kejuruteraan Binaan & Bangunan**
Jurubina Bangunan Berasaskan Kayu
Pembuat Perabot
Jurukerja Paip
Jurubina Bangunan
Pemasangan Jubin
Jurukimpal Arka Logam Berperisai
3. **Pusat Elektrik & Elektronik**
Mekanik Teknologi Elektronik Industri
Mekanik Penyejuk Bekuan & Penyamanan Udara
Juruelektrik Domestik
4. **Pusat Media & ICT**
Pereka Grafik
Pembantu Juruteknik Rangkaian Komputer
Usahawan Fotomedia
Juruteknik Sistem Komputer Peribadi (PC Repair)
Teknologi Komputer

Pengurusan

- Pengurusan Pembangunan Industri Kecil & Sederhana
- Pengurusan Peruncitan

Sektor Perkhidmatan

1. **Pusat Pelancongan & Perhotelan**
Sijil Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan
Pengurusan Pembangunan Profesional :
Usahawan Hotel & Katering
Usahawan Pelancongan
Usahawan Pusat Peranginan, Penginapan Dan Penyediaan Makanan
Usahawan Perkhidmatan Dobi
Usahawan Perkhidmatan Restoran
Pegawai Latihan Vokasional (VTO)
2. **Pusat Pengurusan Makanan & Sajian**
Pembantu & Penyedia Makanan
Pembantu & Penyedia Bakeri
Pembantu & Penyedia Pastrri
Pakej Pengurusan Perkhidmatan Makanan
Masakan Komersial
Kontraktor Pembekal Makanan Mentah & Bermasak



SENYUMAN DAN KEHIDUPAN ANDA

Artikel : Fazliatul Binti Mohamed Isa

Senyum adalah riak wajah yang ditunjukkan manusia biasanya ketika gembira. Senyum ditunjukkan dengan mulut, dan boleh juga dengan mata. Orang tersenyum kerana banyak sebab, misalnya kerana jenaka atau tersenyum ketika gambar diambil. Namun, kadang-kadang orang tersenyum untuk menutup perasaan yang memalukan. Senyum sering boleh digunakan sebagai tanda keyakinan diri, tanda persetujuan atau sebagai tanda kebahagiaan. Nabi Muhammad s.a.w. pernah berkata bahawa "Senyum kepada saudaramu adalah sedekah".

Semasa seseorang itu senyum, 17 otot muka digerakkan untuk membentuk senyuman manis berbanding 43 otot digunakan apabila muka seseorang itu masam. Ia juga merangsang pengeluaran endorphins (sejenis bahan kimia yang dihasilkan oleh otak untuk mengurangkan rasa sakit).

Senyum mampu mengubah mood kita. Dalam bidang psikologi terdapat teori yang disebut 'maklumbalas wajah' (facial feedback). Hipotesis ini menegaskan bahawa 'pergerakan wajah secara sendirinya menyediakan maklumat persekitaran yang lengkap untuk menentukan pengalaman emosi'. Menurut Davis dan Palladino, ia bermaksud maklumbalas dari ekspresi wajah seseorang akan mempengaruhi emosi dan perlakuannya. Berdasarkan teori ini maka boleh disimpulkan bahawa mood seseorang boleh ditingkatkan dengan senyuman.

Guillaume Duchenne (1806-1875), ahli neurologi Perancis merupakan seorang pakar dalam elektro-diagnosis dan elektro-terapi telah membuat kajian berkaitan senyuman. Beliau telah membuat perbandingan anatomi terhadap senyuman asli dan senyuman palsu. Berdasarkan keputusan yang diperolehi, beliau mendapati bahawa senyuman sebenar yang terhasil daripada rasa gembira dan bahagia bukan sahaja menggerakkan otot-otot di bahagian mulut, malahan juga otot di bahagian pipi dan mata. Berbanding senyuman palsu yang hanya melibatkan otot sekitar mulut. Senyuman Duchenne (Duchenne smile) telah diambil bersempena nama beliau.


Satu lagi kajian berkaitan senyuman telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di Wayne State University, Michigan terhadap 230 orang pemain besbol yang tercetak gambar mereka di majalah Baseball Register pada tahun 1950an. Penyelidik membahagikan mereka kepada tiga kumpulan iaitu tidak senyum, senyum separuh iaitu hanya otot mulut sahaja yang terlibat dan tersenyum lebar iaitu dengan mengangkat otot pipi dan sekitar mata. Kemudian para penyelidik membandingkan gambar dengan jangka hayat pemain. Didapati bahawa bagi kategori 'tidak senyum' secara puratanya hidup sehingga 72.9 tahun, kategori 'senyum separuh' purata hidupnya 75 tahun sedangkan mereka yang dalam kategori 'tersenyum lebar' hidup sehingga umur 79.9 tahun secara puratanya. Tujuh tahun lebih lama berbanding rakan-rakan mereka yang tidak senyum. Kajian yang diterbitkan dalam jurnal Psychological Science ini menegaskan bahawa senyuman palsu tidak menyumbang kepada kesan yang sama.



10 FAKTA TENTANG SENYUM

1. Para saintis mendapati senyum dan ketawa merupakan satu senaman berbentuk jogging dalaman dan dapat merangsang seluruh tubuh dan mampu memberi manfaat berguna kepada sistem saraf otak dan juga hormon.
2. Pengkaji dan pengamal barat percaya dengan memulakan hari dengan senyuman bukan sahaja berupaya menceriakan hidup anda tetapi memberi banyak kebaikan kepada kesihatan.
3. Apabila kita tersenyum, kita hanya menggunakan 17 otot muka berbanding 43 ketika mengerutkan dahi.
4. Senyuman bukan sekadar reaksi gerak muka, tetapi turut mempunyai kaitan dengan penghasilan endorphin dalam otak yang mengurangkan kesakitan fizikal dan emosi menjadikan seseorang itu rasa lebih selesa dengan diri sendiri.
5. Kajian menunjukkan individu yang ketawa 100 kali dalam tempoh 24 jam mendapat manfaat kardiovaskular sama seperti bersenam 10 minit.
6. Saintis dari Universiti Pusat Perubatan California menjelaskan senyum dan ketawa dikategorikan sebagai stress yang baik. Stress yang tidak baik akan memberi tekanan kepada sistem ketahanan badan.
7. Senyuman juga mampu merendahkan tekanan darah, menambah kemasukan oksigen dalam darah dan ini secara tidak langsung merangsang proses penyembuhan.
8. Senyuman yang di akhiri dengan ketawa mengaktifkan kimia badan dan secara tidak langsung merendahkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, atritis dan ulser.
9. Senyuman dan ketawa antara senaman yang baik kerana ia membabitkan diafragma, abdomen, sistem pernafasan, muka, kaki dan otot belakang badan. Ketawa 'mengurut' organ dalam abdomen dan menguatkan otot abdomen, merangsang kedua-dua belah otak dan meningkatkan keupayaan untuk belajar.
10. Ketawa juga dikatakan mampu memperbaiki fungsi usus, sekali gus meningkatkan pencernaan dan penyerapan nutrient dalam badan.





AMALAN SENYUMAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM

Bagi meningkatkan penyampaian dalam sektor awam, selain mempercepatkan proses-proses dan prosedur berkaitan dengan kerajaan, senyuman boleh memberi kesan-kesan seperti berikut:

1. Pelanggan berpuashati terhadap setiap perkhidmatan yang diberi.
2. Penerapan nilai-nilai murni dalam amalan harian penjawat awam.
3. Meningkatkan imej sektor awam ke arah perkhidmatan bertaraf dunia.
4. Meningkatkan persepsi positif rakyat dan pelanggan ke atas perkhidmatan yang disampaikan.

Senyum itu sedekah, senyum itu awet muda, senyum itu kemesraan, senyum itu pengikat sahabat, senyum itu penambah kasih, senyum itu pelaris jualan, senyum itu pengiktirafan, senyum juga pemanis wajah, senyum menambahkan kecantikan dan yang pastinya senyuman itu membawa kebaikan.

Namun begitu, senyum biarlah pada tempatnya. Senyum mesra datang dari hati yang baik, tulus dan ikhlas, senyum rekaan ialah senyuman pura-pura dan kejahatan. Orang yang mindanya terbuka dan bersangka baik akan melahirkan senyuman yang ikhlas, orang yang bahagia senang mengukirkan senyuman, senyumannya kelihatan manis dan indah. Orang yang sedang menghadapi tekanan jiwa ukar melahirkan senyuman, senyumannya kelihatan kurang indah dan tawar serta kurang menarik. Senyumlah selalu bila bertemu kawan, senyum tidak menggunakan banyak tenaga tetapi ianya mempunyai banyak kebaikan, disenangi anak isteri, rakan taulan, jiran tetangga dan sudah tentulah yang paling istimewa dikasihi Allah. Senyum juga perlu dimasukkan roh ikhlas, senyum ikhlas adalah senyum kerana Allah, senyum kerana menyahut perintah Allah dan Rasul. Orang Islam disuruh senyum dan dilarang sombong diri.

KENALI MINDEF LEBIH DEKAT MELALUI KARNIVAL 1 MINDEF

Artikel : Mejar Setia Perwira bin Mohd Wazir

Foto : LK1 PNK Ayub bin Mamat

Lebih 10,000 pengunjung telah hadir ke **KARNIVAL 1 MINDEF MERSING** yang berlangsung pada 29 Jun hingga 1 Julai 2012. Karnival di Mersing telah disempurnakan perasmiannya oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Dr. Abd Latiff bin Hj Ahmad pada 30 Jun 2012 di Stadium Mersing. Pada hari yang sama, Army Red Warrior dari Kor Polis Tentera DiRaja telah mendapat pengiktirafan "**MOST NUMBER OF PEOPLE IN PYRAMID FORMATION ON MOTORCYCLES**" daripada The Malaysian Book of Records dimana telah berjaya membawa seramai 30 orang dalam formasi piramid dengan menggunakan 3 buah motosikal.

Julung kalinya, Karnival 1 MinDef ini melibatkan banyak agensi dan persembahan yang hebat dan padat. Antara aktiviti yang telah dihidangkan kepada pengunjung yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

- ✓ Pameran Aset Tentera.
- ✓ Pertunjukan Army Red Warrior.
- ✓ Pameran Kerjaya.
- ✓ Pertunjukan Anjung Perang.
- ✓ Persembahan Kawad Berirama.
- ✓ Perkampungan Ikhtiar Hidup.
- ✓ Pertunjukan Udara Tim Pesawat Krisakti
- ✓ Belon Panas.
- ✓ Persembahan Gendang Tradisional
- ✓ Persembahan tarian Shuffle
- ✓ Upin dan Ipin.
- ✓ Demontrasi Bola Berbasikal.
- ✓ Persembahan Cheerleader .
- ✓ Konsert Azlan * The Typewriter.
- ✓ Persembahan Pentas Sirah Junjungan oleh KAGAT.
- ✓ Pertandingan Paintball, Bola Sepak dan Bola Jaring.

Karnival yang dilaksanakan adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan peranan dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan Malaysia terutamanya Angkatan Tentera Malaysia dalam melaksanakan tugas menjaga keamanan negara selain membangkitkan semangat patriotisma dikalangan generasi muda. Pada masa yang sama, program ini berperanan mendedahkan kepada generasi muda peluang-peluang kerjaya di dalam Angkatan Tentera Malaysia.



MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT JASA MALAYSIA, DAN PENYERAHAN CEK RAYUAN HARI PAHLAWAN 2011

Artikel & Foto: Mohd Yusrizal bin Ab. Razak (JHEV)

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah menyampaikan Pingat Jasa Malaysia kepada lapan orang penerima dan Bantuan Royal Commonwealth Ex-Services League (RCEL) kepada empat orang penerima di kalangan Veteran ATM pada 5 Julai 2012.

Menteri Pertahanan turut menyerahkan Cek Rayuan Hari Pahlawan (RHP) 2011 berjumlah RM1.4 juta kepada 52 Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab Veteran ATM seluruh Malaysia. Manakala, sebanyak RM1.56 juta telahpun diagihkan kepada Cawangan-Cawangan PBTM dan beberapa Persatuan/ Pertubuhan/ Kelab yang lain. Tambahan kepada agihan ini dijangka dilakukan pada sesi agihan pusangan kedua pada bulan September 2012.

Pada majlis yang sama, Pengarah DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd, YBhg Laksamana Dato' Mohd Ramli bin Samjis (Bersara) telah menyerahkan cek sumbangan kepada Yayasan Veteran ATM berjumlah RM300,000 kepada Menteri Pertahanan.

Turut hadir ke majlis ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan serta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.



BADAN KESENIAN MINDEF UNGGULI BORNEO HORNBILL FESTIVAL 2012

Artikel & Foto: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Badan Kesenian MinDef atau nama akronimnya BKM telah menjuarai sekaligus mengungguli Pertandingan Tarian Etnik dan Rampaian sempena Borneo Hornbill Festival 2012 yang berlangsung pada 6 hingga 8 Julai 2012 bertempat di Pusat Perlancongan Malaysia (MATIC). Pertandingan tersebut yang dianjurkan oleh Persatuan Warisan Sarawak dan Sabah, Kuala Lumpur diadakan secara terbuka kepada mana-mana pertubuhan atau kumpulan kesenian di Negara ini. Secara keseluruhannya, ianya telah menarik sejumlah 13 penyertaan dari kumpulan-kumpulan yang datang dari negeri Saawak dan Sabah selain dari Semenanjung Malaysia termasuk pusat-pusat pengajian tinggi awam mahupun swasta.

MinDef telah menghantar dua kumpulan dimana Kumpulan BKM 1 dinobatkan juara manakala Kumpulan BKN 2 pula ditempat kedua dan meletakkan Badan Kesenian MinDef memperolehi tempat secara keseluruhannya. Dengan kemenangan tersebut, Kumpulan BKM 1 menerima wang tunai sebanyak RM3,500.00, trofi iringan dan tiket penerbangan ke Perth, Australia. Bagi Kumpulan BKM 2 menerima wang tunai sebanyak RM2500.00 beserta trofi.

Lt Kol Zamri bin Othman selaku Pengurus Badan Kesenian MinDef memaklumkan bahawa Badan Kesenian MinDef berpeluang mewakili Malaysia bagi mengadakan persembahan untuk mempromosikan keunikan tarian masyarkaat Borneo si Seoul, Korea Selatan pada peghujung tahun 2012 nanti. Persembahan tersebut akan dilakukan melalui kerjasama antara Persatuan Anak Sarawak dan Sabah, Kuala Lumpur serta Lembaga Penggalakan Perlancongan Malaysia (TDC) dan pihak-pihak tertentu di Negara berkenaan.





LEE CHONG WEI KINI LEFTENAN KOMANDER (KEHORMAT)

Artikel : Sjn U Irwan bin Alias

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Nama Datuk Lee Chong Wei tidak asing lagi pada kita semua pada masa ini. Daripada anak kecil hinggalah golongan dewasa menjadikan pemain badminton Negara ini sebagai ikon dan pembakar semangat untuk terus maju dalam arena sukan. Selain mengekalkan kedudukan sebagai pemain nombor satu dunia beliau juga mempunyai misi mengejar pingat Emas pertama Malaysia dalam Temasya Sukan Olimpik London nanti.

Beliau yang mempunyai disiplin, keyakinan dan semangat yang tinggi mengujakan semua pihak dalam mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Atas sumbangan dan kredibiliti dalam sukan badminton, Angkatan Tentera Malaysia melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mentauliahkan beliau Leftenan Komander (Kehormat), Pasukan Simpanan Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM)berkuatkuasa pada 1 Mei 2012. Majlis pemakaian pangkat disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan disaksikan oleh pegawai tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pentauliahkan ini adalah salah satu daripada dorongan kepada beliau dalam menghadapi Sukan Olimpik 2012 yang akan berlangsung tidak lama lagi. Selain itu juga, ia sebagai langkah yang mengiktiraf sektor korporat dan swasta dalam usaha menarik minat di kalangan golongan muda menyertai unit badan beruniform di Malaysia. Tahniyah dan Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Leftenan Komander (Kehormat), Datuk Lee Chong Wei.





“TENTERA PERANGI ROKOK” - MINGGU KESIHATAN ATM 2012

Artikel: Sjn Aidi bin Mat Amin

Foto: Sjn Riau ak Ansang

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amat prihatin terhadap tahap kesihatan dan kecergasan seluruh anggota tentera. Bertepatan dengan itu, setiap tahun Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Pertahanan akan menganjurkan “Minggu Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia”. Pada tahun ini, Minggu Kesihatan telah dianjurkan dari 16 hingga 18 Julai 2012 bertempat di foyer Bangunan Kementerian Pertahanan.

Majlis perasmian telah dilancarkan dan disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Zulkifeli bin Md Zin dimana beliau turut mencabar diri beliau sendiri dan anggota ATM untuk memerangi rokok di mana beliau telah mengisytiharkan akan berhenti merokok.

Pameran kali ini bertemakan Kempen Anti Merokok. Dalam ucapan beliau anggota tentera yang cukup berani dan amat terlatih untuk berdepan dengan musuh negara tetapi dalam masa yang sama lebih 100,000 perajurit bakal bertempur dengan musuh baru iaitu ROKOK yang lebih banyak membawa kesan negatif kepada individu, masyarakat dan juga negara.

Sepanjang minggu kesihatan tersebut, semua warga ATM boleh melakukan pemeriksaan kesihatan seperti pemeriksaan tekanan darah, tahap kolesterol, kandungan gula, pemeriksaan gigi dan pemeriksaan BMI secara percuma. Kaunter kesihatan juga dibuka bagi mendapatkan khidmat nasihat secara percuma berkaitan masalah kesihatan seperti tatacara pengambilan makanan yang sihat, penjagaan kesihatan secara menyeluruh, panjagaan gigi dan sebagainya.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut Timbalan Panglima Tentera Darat Lt Jen Dato’ Seri Panglima Haji Ahmad Hasbullah bin Mohd Nawawi dan pegawai dan anggota tentera dan awam Kementerian Pertahanan.





PERLUASAN ASKAR WATANIAH DI BAWAH STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Artikel: Lt Mohd Affiq bin Abdullah

Foto: Kpl Shahrul Hezar bin Azizan

Penubuhan Platon Seni, Media dan KEMENTAH adalah merupakan cetusan idea YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia. Secara umumnya penubuhan ketiga-tiga platon ini adalah untuk memberi pendedahan kepada artis, pengamal media serta warga Kementerian Pertahanan Malaysia tentang aspek-aspek ketenteraan di samping menjadi pemangkin serta daya tarikan kepada masyarakat luar untuk menyertai Angkatan Sukarela (Askar Wataniah) di dalam Tentera Darat Malaysia.

Platon seni yang dirasmikan pada 7 April 2011 oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah dianggotai oleh penggiat seni tahananir antaranya Dato' Siti Nurhaliza Taruddin, Liana Shamsudin, Lisa Surihani, Diana Amir, Shaheizy Sam, Ana Raffali dan artis-artis tempatan yang lain. Turut tidak ketinggalan anak sulung kepada Menteri Pertahanan sendiri iaitu Nurul Hidayah bt Ahmad Zahid Hamidi. Selain daripada itu juga, antara artis-artis lain juga yang turut sama menyertai Angkatan Sukarela ini adalah barisan artis dari Metrowalth Production (MIG) yang diketuai oleh David Teo.

Manakala Platon media adalah terdiri dari pengamal-pengamal media tanahair seperti wartawan, jurugambar dan juruvideo media tempatan. Mereka juga turut sama diberi pendedahan mengenai ilmu asas ketenteraan yang menjadikan mereka seorang anggota sukarela yang terlatih. Matlamat dan objektif penubuhan Platon Media untuk memberi gambaran mengenai latihan yang dilaksanakan oleh anggota tentera dan dalam masa yang sama mereka juga berperanan untuk menyebarkan maklumat mengenai ATM dan menjadi medium untuk menarik perhatian masyarakat luar untuk menyertai Angkatan Sukarela Askar Wataniah sebagai memenuhi hasrat serta impian pucuk pimpinan Tertinggi Tentera Darat. Pada awal penubuhannya, Platon Media ini terdiri daripada 24 orang anggota. Walaubagaimanapun, setakat hari ini hanya 13 orang anggota sahaja yang berjaya menamatkan latihan.

Secara umumnya Platon Seni, Media dan KEMENTAH dilatih di Rejimen 515 AW yang bertempat di Jalan Buku Lima, Kuala Lumpur. Rejimen diketuai oleh seorang Pegawai Memerintah iaitu Lt Kol Hj Roslan bin Hj Zakaria yang merupakan Timbalan Komander bagi Rejimen ini. Latihan yang dilaksanakan kebiasaannya melibatkan cuti hujung minggu terutamanya bagi latihan tempatan. Platon Seni diletakkan dibawah Batalion Kedua yang diketuai oleh Lt Kol Hj Abdullah Ibrahim. Manakala Platon Media dibawah Batalion Ketiga dibawah seliaan Mej Arieff Ramskay Abdullah dan Kumpulan Platon KEMENTAH diletakkan dibawah kendalian Batalion Pertama yang diselia oleh Lt Kol Hoe Soo Khin.

Antara aktiviti-aktiviti yang melibatkan Platon Media seperti penugasan bersama anggota tetap di kawasan Operasi Pasir di Sabah dan Operasi Pengaman di Lubnan. Selain daripada itu juga, Platon Media turut melaksanakan Latihan Kembara Duga yang bertempat di Taman Negara Kuala Koh Gua Musang, Kelantan. Selain daripada menguji ketahanan mental dan fizikal, latihan yang dilaksanakan turut didedahkan tentang kehidupan sebenar sebagai seorang anggota tentera yang berkhidmat di perbatasan negara.

Tidak ketinggalan juga staf-staf daripada Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) setakat ini terdapat 4 kumpulan KEMENTAH telah ditubuhkan. 2 daripadanya telah pun berjaya menamatkan latihan selama 240 jam. Bagi KEMENTAH Kumpulan 3 dan 4 yang terdiri daripada staf Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (SRTIDE), mereka telah menamatkan latihan pada 17 Julai 2012 yang lalu dan melayakkan mereka sebagai seorang anggota tentera sukarela yang terlatih.


Sepanjang penglibatan anggota-anggota daripada Platon Seni, Media dan KEMENTAH beberapa anggota telahpun dianugerahkan Tauliah Kehormat Dalam Angkatan Sukarela Persekutuan (ASP). Antaranya ialah Kolonel (K) Dato' Seri Khalid Mohd Jiwa, Mej (K) David Teo, Kapt (K) Mohd Khir Md Nor dan Mej (K) Mohd Nor Bon. Platon Seni juga turut terlibat dengan Latihan Menembak yang diadakan di Kem Terendak, Melaka dan Lapangasar Kem Sungai Besi. Anggota Platon Seni juga berkesempatan untuk melawat ke Muzium Tentera Darat, Port Dickson Negeri Sembilan, menonton Demo Kuasa Tembakan di Gemas Negeri Sembilan serta melawat ke 21 Skn Istiadat Berkuda di Kem Sungai Buloh. Selain itu, Platon Seni turut menyumbangkan bakti di dalam program-program amal. Antaranya ialah memberi bantuan makanan dan perubatan kepada mangsa banjir di kawasan Kuantan, Pahang dan membantu mangsa bencana ribut dan ombak besar di kawasan Cugai, Terengganu.



“PAHLAWAN PERKASA RAKYAT SEJAHTERA”

Artikel : Mohd Yusrizal bin Ab. Razak (JHEV)

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad



Pahlawan Perkasa, Rakyat Sejahtera adalah tema bagi Kempen Rayuan Hari Pahlawan 2012 (RHP2012) kali ini. Pada tahun ini, Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah kali ketiga bekerjasama dengan Persatuan Bekas Tentera Malaysia dalam kempen ini yang berlangsung selama tiga bulan, bermula 15 Julai sehingga 15 Oktober 2012. Bertempat di Angkasapuri, Kuala Lumpur, Majlis Pelancaran Kempen RHP2012 ini telah dilancarkan oleh Isteri Perdana Menteri merangkap Penaung RHP, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada 19 Julai 2012.

Turut hadir di majlis yang sama ialah Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin, Ketua Polis Negara, YBhg Tan Sri Haji Ismail bin Haji Omar, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Dr. Abd Latiff bin Ahmad, Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM, Ketua Pengarah Penyiaran, YBhg Dato' Norhayati Ismail dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Pada majlis ini juga, seramai tiga (3) Veteran ATM dan seorang Balu Veteran ATM telah menerima bantuan kebajikan daripada Isteri Perdana Menteri. Sambutan Hari Pahlawan pada 31 Julai 2012 bertujuan untuk memupuk semangat patriotik dan cintakan negara khususnya di kalangan masyarakat Malaysia supaya memperingati perjuangan dan pengorbanan para pahlawan negara.

Kempen RHP ini diadakan bagi mengumpul dana Tabung Kebajikan untuk bekas-bekas tentera dan keluarga mereka yang memerlukan, terutamanya keluarga prajurit yang terkorban demi mempertahankan negara. Sumbangan boleh dibuat kepada akaun Tabung Rayuan Hari Pahlawan bernombor 10-595-000-320-1 (Affin Bank) melalui wakil-wakil daripada JHEV di seluruh negara serta PBT yang akan turun ke jalanan dalam menjayakan kutipan ini.





MAJLIS PELANCARAN & DISKUSI BUKU

Artikel : Mej Mohd Nizam bin Mohd Zafri TUDM

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku bertajuk Masih Adakah Ketuanan Melayu? dan Cabaran Saudara Baharu di Malaysia pada 20 Julai 2012 bertempat di Auditorium, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah dianjurkan oleh Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd (UP&D), anak syarikat Utusan Melayu (M) Berhad dengan kerjasama Kementerian Pertahanan.

Dua buah buku ini adalah karya Prof Madya. Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah, seorang penceramah, pendakwah dan pensyarah di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Buku "Masih Adakah Ketuanan Melayu?" dengan ketebalan 255 halaman memfokuskan isi perbincangannya pada proses kesepaduan politik untuk mencapai perpaduan nasional di negara ini, manakala buku "Cabaran Saudara Baharu di Malaysia" yang berketebalan 231 halaman bertemakan nasib, cabaran dan masalah yang dihadapi oleh muafaf.

Majlis pelancaran ini turut diisi dengan sesi diskusi buku oleh Dato' Haji Shahlan Ismail iaitu Setiausaha Politik Perdana Menteri dan Datuk Dr. Ma'amor Osman iaitu Setiausaha Agung, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM). Prof Dato' Alias Abdullah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bertindak sebagai pemudah caranya.



SEPETANG RAMADHAN BERSAMA ZAHID HAMIDI

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Sarjan Riau ak Ansang

Majlis Berbuka Puasa bersama media yang dihoskan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah diadakan pada 24 Julai bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Y.Bhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli bin Mohd Zin serta Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Ybhg Dato' Mohd Khalid bin Hj. Shariff dan tetamu kehormat yang lain. Dalam majlis yang sama juga Pengarah Syarikat DSA Exhibition & Conference Sdn Bhd telah menyerahkan cek sumbangan berjumlah RM400,000.00 untuk diagihkan kepada tabung-tabung kebajikan dibawah Kementerian Pertahanan. Sumbangan ini merupakan antara tanggungjawab social yang dilaksanakan oleh syarikat DSA di samping penghargaan kepada Kementerian Pertahanan yang telah memberikan kerjasama dan sokongan penuh dalam menjayakan penganjuran DSA 2012 yang lalu. Sumbangan akan diagihkan kepada Tabung -Tabung kebajikan Tentera Dara Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kelab Kakitangan Kementerian Pertahanan (KAKEP) dan Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES). DSA sebelum ini menyerahkan cek sumbangan kepada Tabung Yayasan Veteran ATM berjumlah RM300,000.00 semasa Majlis Penyampaian Pingat Jasa Malaysia dan Penyerahan Cek Rayuan Hari Pahlawan 2011 pada 5 Julai yang lalu.



LAWATAN PENANDA ARAS 5S OLEH STRIDE

Artikel: Nazrie bin Saini
Foto: Kpl Shahrulhezar bin Azizan

Kementerian Pertahanan telah menerima kunjungan daripada Pegawai dan kakitangan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) pada 27 Julai 2012 yang lalu. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk melihat sendiri dengan lebih dekat serta memperoleh maklumat akan pelaksanaan Kementerian Pertahanan dalam Program Amalan Persekitaran Berkualiti 5S. Kementerian Pertahanan sendiri memasuki tahun keempat pensijilan dan tahun ini menjadi tahun pertama dimana pengauditan akan dilaksanakan oleh pihak MAMPU.

STRIDE pada kali ini dibawa ke Bahagian Akaun yang menjadi bahagian contoh dan juga menjadi pemenang pertandingan peringkat Kementerian didalam pelaksanaan amalan 5S. Bahagian Akaun yang diketuai oleh Encik Balasubramaniam selaku Setiausaha Bahagian dilihat mengungguli setiap pengauditan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit yang dilaksanakan setiap 4 kali setahun. Bagi tahun ini, Bahagian Akaun masih gah dan belum pernah dicabar oleh mana-mana Bahagian di dalam Kementerian. Sungguhpun begitu, kesudian Bahagian Akaun yang mana pada pagi tersebut disambut ramah oleh Encik Zamberi bin Othman, Timbalan Setiausaha Bahagian. Lawatan ini dimulakan dengan slide persembahan dari Puan Noorazreen bin Mohd Yusuff selaku Q-Manager program 5S Bahagian Akaun dan disusuli dengan sesi soal jawab dan bertukar-tukar pendapat. Bagi membuktikan kehebatan Bahagian Akaun di dalam pelaksanaan program ini, rombongan STRIDE dibawa ke seluruh Cawangan dan Unit yang ada di dalam Bahagian Akaun. Dengan jumlah enam fasilitator dan zon membuktikan bahawa pengamalan program 5S di Bahagian ini menjadi penanda aras yang baik kepada STRIDE untuk melaksanakan program ini dan idea-idea yang kreatif menjadi titik tolak ke arah membudayakan budaya KAIZEN di dalam program ini.

Lawatan diadakan dengan kerjasama Jawatankuasa Promosi 5S Kementerian Pertahanan yang juga merupakan salah satu jawatankuasa yang penting dalam menggerakkan Program 5S ini. Semoga dengan adanya lawatan sebegini menjadi pendorong kepada Bahagian di dalam Kementerian untuk lebih bersedia seterusnya bersama-sama membantu Kementerian bagi memperbaharui sijil 5S yang akan diadakan pada penghujung Oktober 2012 nanti serta STRIDE akan lebih bersedia dan mampu mempratikan budaya-budaya 5S yang cemerlang yang diamalkan di Kementean ini.



SUMBANGAN PERAYAAN YAYASAN VETERAN ATM 2011

Artikel & Foto : Muhd Yusrizal Bin Ab. Razak (JHEV)

Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Ahmad telah menghadiri Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM Tahun 2012 di Dewan Merak Kayangan, Balai Felda, Jalan Gurney 1, Kuala Lumpur. Beliau telah menyampaikan sumbangan Wang Perayaan Yayasan Veteran ATM kepada 182 orang penerima di kalangan Veteran ATM Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang merupakan penerima Skim Bantuan Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Penerima-penerima sumbangan ini telah dikategorikan seperti Veteran ATM berumur 70 tahun ke atas, Balu Veteran ATM, Veteran ATM Kelainan Upaya (OKU) (cedera semasa operasi & penerima peralatan pesakit) dan anak yatim di kalangan anak Veteran ATM.

Penerima sumbangan di seluruh negara pada tahun ini adalah seramai 3,671 orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.84 juta. Kategori penerima masih lagi dikekalkan seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu Veteran ATM yang berumur 70 tahun ke atas, Balu Veteran ATM, anak yatim Veteran ATM, Veteran ATM di rumah orang tua dan Veteran ATM OKU (cedera semasa operasi & penerima peralatan pesakit). Sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka membuat persediaan sempena menyambut musim perayaan.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan, Timbalan Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Datuk Zakaria bin Sharif, Pengarah Tenaga Kerja Markas ATM dan Timbalan Ketua Pengarah Perancangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pembangunan Wanita, En. Sharudin bin Shar Kashim.

Dalam sambutan lain, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), YBhg Mej Jen Dato' Zulkiflee bin Mazlan telah menyampaikan Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM 2012 kepada Pesakit Pusat Dialisis di Kalangan Veteran ATM (20 orang penerima) dan Pesara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (12 orang penerima) di Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM, Cawangan Seri Kembangan, No 17, Jalan Sungai Besi Indah 5/2, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor pada 12 Ogos 2012.

Manakala 14 Ogos 2012 pula telah menyampaikan Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM 2012 kepada Pesakit Pusat Dialisis di Kalangan Veteran ATM (18 orang penerima) dan Pesara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (2 orang penerima) di Pusat Dialisis Yayasan Veteran ATM Cawangan Sunway Batu Caves, No. 18G, Jalan SM 4, Taman Sunway Batu Caves, 68100 Batu Caves.





SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Artikel: PWI Badri bin Mustapha

Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Kementerian Pertahanan tidak pernah melupakan jasa pegawai dan anggota tentera yang bertugas menjaga keamanan dalam dan luar negara terutama kepada mereka yang terpaksa berjauhan dari keluarga dan sanak saudara tercinta. Setiap tahun, bagi menghargai anggota yang berkhidmat semasa umat Islam lain sedang bergembira menyambut Aidil Fitri, ATM akan membuat sumbangan kepada mereka yang bertugas.

Dalam satu majlis yang sederhana, Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 2012 kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Auditorium KEMANTAH pada 2 Ogos 2012. Antara sumbangan yang diterima adalah sumbangan berbentuk wang tunai dan barangan dari syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan orang persendirian. Antara penyumbang terbesar adalah BAKTI, NADI, LTAT, Boustead Naval Shipyard, Affin Bank Berhad, Westar, Maxis, Sapura serta beberapa lagi syarikat korporat yang turut serta menderma kepada ATM selain sumbangan dari BAKTI, BAKAT dan UMNO. Seterusnya Menteri menyampaikan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara sebagai simbolik untuk diagihkan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota ATM yang sedang menjalani operasi di dalam dan di luar negara termasuk Misi PBB serta yang bertugas semasa hari raya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua BAKTI, YBhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor; Penaung Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Kementerian Pertahanan, YBhg Datin Sri Hamidah Khamis, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail Haji Ahmad, Panglima-panglima Perkhidmatan serta beberapa Pegawai Kanan Tentera dan awam Kementerian Pertahanan.





1 MALAYSIA "PRIVILEGE CARD" HARGAI ATM & PDRM



Artikel: Nazrie bin Saini

Foto: Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada 7 Ogos 2012 yang lalu bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan '1Malaysia Privilege Card' khususnya bagi anggota tentera dan polis sebagai inisiatif menghargai jasa dan khidmat bakti mereka. Majlis turut dihadiri oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar; dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin.

Melalui program 1Malaysia Privilege Card ini, kira-kira 241,000 orang pegawai dan anggota Tentera dan Polis yang diistilahkan oleh Perdana Menteri sebagai 'wira yang tidak didendang' akan dapat menikmati diskaun dan potongan harga yang disediakan apabila berbelanja di syarikat-syarikat yang mengambil bahagian seperti di KFC, Kedai Alatan Sukan Al-Ikhsan dan banyak lagi. Kemudahan kad tersebut adalah lanjutan daripada kerjasama unik antara pelbagai jabatan serta agensi kerajaan dibawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan 6 (NBOS 6).

Kewujudan 1Malaysia Privilege Card dilihat sebagai salah satu langkah yang membantu menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan memberi manfaat kepada Negara selain salah satu usaha membawa kepada transformasi besar Negara, di samping penjanaan idea-idea kreatif serta pelaksanaan agenda yang lebih cepat, tepat dan berintegriti. Maklumat lengkap berhubung syarikat-syarikat yang mengambil bahagian didalam pelaksanaan 1Malaysia Privilege Card melalui laman sesawang www.1mprivilege.my

Inisiatif 1Malaysia Privilege Card dilaksanakan dalam tiga fasa dengan permulaan untuk warga ATM dan PDRM, diikuti fasa kedua membabitkan pesara kedua-dua pasukan itu manakala fasa ketiga melibatkan perkhidmatan lain yang akan dikenal pasti. Semoga dengan adanya 1Malaysia Privilege Card ini akan memberikan dorongan kepada warga ATM dan PDRM untuk lebih komited melaksanakan tugas keselamatan dengan lebih cemerlang sekaligus mempertahankan ketinggian Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara.



USAHAWAN VETERAN HARAPAN

Artikel : Mejar Setia Perwira bin Mohd Wazir

Foto : LK KNC Ayub bin Mamat

Mak Okid atau Azni binti Jantan, adalah Usahawan Veteran ATM Wanita yang tidak berpencen paling berjaya. Usahawan yang sedang meningkat maju ini, berjaya dalam perniagaan dengan mengamalkan prinsip “seorang usahawan itu perlu mempunyai MINAT yang mendalam dan JATIDIRI yang tinggi jika ingin BERJAYA”. Usahawan yang cenderung kepada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah banyak membantu beliau dalam menaikkan jenama produk beliau.

Bermula dengan berniaga di Café Okid Hotel Johor pada tahun 2005, perniagaannya berkembang maju sehinggalah pada tahun 2009 beliau telah berjaya menghasilkan Produk “**ADAPTOGENS COMBAT**” atau lebih dikenali sebagai Kopi Mak Okid. Produk ini dimajukan hasil usaha beliau bersama ‘Mentor’ yang merupakan pakar pemakanan iaitu Encik Mohd Faizal bin Zainal daripada Profzas Solution Sdn Bhd.



Kopi Mak Okid terus berkembang maju dengan proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibuat secara berterusan. Ini merupakan faktor utama kopi “ADAPTOGENS COMBAT” terus lebih digemari oleh pengemar kopi terutamanya di negeri Johor. Langkah beliau menamatkan perkhidmatan dalam Kor Jurutera Letrik dan Jentera (JLJ) untuk menempuh cabaran menjadi usahawan Veteran ATM Tidak Berpencen telah menampakkan hasilnya. Bantuan dan khidmat nasihat oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), usahawan veteran yang dilahirkan di Kuala Lumpur pada 1961 bersama tiga orang anak perempuannya, telah berjaya membuka sebuah Kilang Kopi. Kilang ini telah dirasmikan oleh Laksamana Tan Sri Dato’ Seri Ilyas bin Haji Din (Bersara), Pengerusi Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) pada 27 April 2012 di No.14, Jalan Tembikai 6, Taman Kota Masai, Pasir Gudang Johor.

Perniagaannya kini telah berkembang maju di mana tidak terhad kepada satu produk sahaja. Hobi beliau yang suka memasak tetap diteruskan dengan membuka sebuah gerai di OUTLET & CAFÉ Kedai PERNAMA, Kem PULADA Ulu Tiram, Johor. Disamping itu, beliau membekal makanan sejuk beku seperti otak-otak ayam pandan, murtabak ayam daging dan pulut panggang. Beliau juga merupakan pembekal Jambu Batu, isi Durian Belanda dan Minyak Kelapa Dara kepada pengusaha lain.

Sepanjang usaha beliau menceburi bidang perniagaan ini, begitu banyak ranjau dan rintangan yang ditempuhi dengan penuh tabah dan dedikasi. Berkat daripada kesabaran yang tinggi beliau telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan yang paling terkini beliau telah menerima sijil penghargaan Anugerah Usahawan Harapan pada Majlis Pelancaran Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen oleh Menteri Pertahanan di PWTC.

Itu antara secebis kisah usahawan veteran ATM yang tidak berpencen yang tidak mudah mengaku kalah, harapannya biarlah lebih ramai usahawan veteran ATM yang tidak berpencen yang menyerlah sambil berpesan: “Biarpun berniaga bukan perkara senang, kini saya sudah berjaya dan mungkin hari mendatang anda pula.”

HARGAILAH KEMERDEKAAN

Artikel : Nazrie bin Saini

Foto : Megat Mohd Firdaus bin Megat Ahmad

Pada tahun ini “1Malaysia Janji Ditepati” menjadi tema sambutan Hari Kemerdekaan Negara yang ke 55. Penganjuran pada tahun ini lebih bersejarah dengan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu’adzam Shah serta Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah . Perdana Menteri , Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan dif-dif kehormat lain antara yang hadir bagi sambutan penuh gilang gemilang ini. Acara dimulakan dengan lagu “Negaraku” yang dimainkan oleh Pancaragam Regimen Askar Melayu Diraja. Juga kelihatan tujuh helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) melakukan lintas hormat dengan membawa Jalur Gemilang , bendera Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APNM) sambil melepaskan asap berwarna merah , biru dan kuning yang melambangkan warna bendera Malaysia .

Seramai empat pegawai dan 103 anggota Satu Rejimen Askar Melayu Diraja mendapat kawalan Kehormat Utama oleh Taunku Abdul Halim dan diikuti laungan “Daulat Tuanku” sebanyak tiga kali. Acara sambutan juga diserikan dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang yang diiringi lagu Negaraku dan tembakan meriam 14 das. Kemuncak kepada sambutan kemerdekaan Negara diteruskan dengan bacaan ikrar oleh 55 peserta yang rata-rata mewakili pelajar dan guru, pelajar institusi pengajian tinggi , agensi kerajaan dan badan berkanun serta orang kurang upaya dengan berpakaian pelbagai kaum sebagai simbolik. Paling mencuri tumpuan adalah laungan “Merdeka ” sebanyak tujuh kali dan diikuti laungan “Janji ditepati ” sebanyak tiga kali .

Selain itu juga , persembahan berwarna -warni oleh palajar mengenai Rukun Negara disampaikan melalui bicara berirama dan seterusnya perarakan masuk perbarisan oleh pancaragam Angkatan Tentera Malaysia dan diikuti kontijen membawa Jalur Gemilang dan bendera 13 negeridan Wilayah Persekutuan . Buat julung kali perbarisan kontinjen agensi kerajaan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa dengan diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar. Kontinjen agensi kerajaan turut dianggotai oleh pemimpin tertinggi setiap kementerian itu iaitu Ketua Setiausaha kementerian masing -masing selaras dengan tema perayaan Hari Kemerdekaan tahun ini " 55 Tahun Merdeka Janji Ditepati ".





MERDEKA



Senyuman Kemerdekaan seorang Perwira Temenggong Datuk Kanang ak Langkau.



Foto : Megat Mohd Firdaus Bin Megat Ahmad



ISSN 1511-1339
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
Jalan Padang Tembak 50634 Kuala Lumpur
Tel : +603 2071 3980 / 4008
Fax : +603 2691 1757